

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

JOM KE MOTOGP 2023 BERSAMA RAPID KL!

KUALA LUMPUR, 28 Oktober 2023 – Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus), selaku pengendali perkhidmatan pengangkutan bas Rapid KL dan perantara LRT/MRT, akan menyediakan perkhidmatan bas ke Litar Antarabangsa Sepang (SIC) untuk acara sukan berprestij *Petronas Grand Prix of Malaysia 2023* yang akan berlangsung pada 10 hingga 12 November 2023.

Rapid Bus sekali lagi dilantik sebagai Penyedia Rasmi Perkhidmatan Bas ke MotoGP Malaysia 2023 oleh SIC.

Rapid KL akan menyediakan perkhidmatan bas tersebut daripada tiga lokasi – Pasar Seni dan KLCC (yang mana kedua-dua lokasi ini dihubungkan dengan rangkaian pengangkutan rel Rapid KL), dan Hub Bus KLIA2 khusus untuk mereka yang menggunakan perkhidmatan udara ke Malaysia untuk menyaksikan acara sukan permotoran ini.

Tiket-tiket untuk menggunakan perkhidmatan bas ini telah dijual mulai 25 Oktober di lokasi-lokasi seperti berikut: -

LOKASI	WAKTU OPERASI
Kaunter di Stesen LRT: KLCC, Masjid Jamek, Pasar Seni & KL Sentral	25 Oktober – 12 November 2023 6:30 pagi – 11:00 malam
Kaunter Kad Konsesi MyRapid, Hab Bas Pasar Seni	25 Oktober – 12 November 2023 9:00 pagi – 4:00 petang
Kaunter 10, Aras 1, Hab Pengangkutan KLIA2	10 November – 12 November 2023 8:00 pagi – 1:00 tengahari

Para pengunjung dinasihatkan untuk membeli tiket lebih awal bagi mengelakkan beratur panjang ketika hendak ke SIC.

Pembelian tiket juga boleh dibuat secara atas talian mulai 28 Oktober 2023 di laman shop.myrapid.com.my.

Bagi tahun ini, perkhidmatan bas yang disediakan adalah untuk tiga laluan dan tambang adalah seperti yang tertera di bawah: -

LALUAN/ LOKASI NAIK & TURUN	HARGA TIKET
Pasar Seni/ KLCC ke SIC	RM20.00 sehalu
Pasar Seni/ KLCC ke SIC	RM35.00 pergi-balik
KLIA2 ke SIC	RM12.00 sehalu

Rapid KL juga akan menyediakan perkhidmatan bas perantara percuma di dalam kawasan SIC ketika berlangsungnya Petronas Grand Prix Malaysia 2023 pada 10 hingga 12 November 2023.

Untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan ini, sila layari laman web rasmi www.myrapid.com.my dan melalui saluran media sosial Rapid KL.

[TAMAT]

Dikeluarkan oleh Rapid Bus Sdn Bhd. Untuk sebarang maklumat, sila hubungi Tengku Azrawati Tengku Arshad melalui emel kepada azrawati.arshad@prasarana.com.my

